

MELAYU MAHAWANGSA: MENYOROT KEMBALI, MELANGKAH KE HADAPAN¹

Hashim Haji Musa

ABSTRAK

Artikel ini menghuraikan keadaan masyarakat dan peradaban Melayu yang pada masa kemuncaknya telah membina sebuah peradaban yang gemilang, walaupun pusatnya berpindah-pindah tempat di Kepulauan Melayu. Bahkan kini dari segi kuantitatifnya, Melayu sebagai sebuah rumpun bahasa merupakan kelompok yang keempat terbesar di dunia (300 juta), dan dalam kalangan masyarakat Islam pula penutur Melayu Islam ialah yang terbesar di dunia (250 juta). Setelah kedatangan kuasa penjajah Barat bermula pada awal abad ke-16, pusat peradaban Melayu tumpas satu demi satu sehingga tumpas secara total pada abad ke-19. Selepas kemerdekaan pada pertengahan abad ke-20, dunia Melayu berpeluang untuk membina dan mencorakkan peradaban Melayu kembali. Namun kini gejala penjajahan baharu Barat dalam bentuk globalisasi dan hegemoni budaya, ekonomi, ilmu pengetahuan, falsafah, pemikiran, teknologi maklumat dan komunikasi, dan juga politik dan perhubungan antarabangsa telah melanda dunia kembali dan mencengkam hati budi orang Melayu khususnya. Untuk melawan dan menangkis gejala negatif globalisasi dan hegemoni Barat, maka beberapa strategi memantapkan budaya ilmu, sains, teknologi orang Melayu dan membina solidariti bangsa dan komuniti Melayu dikemukakan dalam artikel ini.

¹ Dipadankan dengan penyesuaian daripada kertas kerja sebagai prosiding dalam **Seminar Melayu Mahawangsa** anjuran Unit dokumentasi Warisan Melayu dan Peribumi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dan GAPENA, 18–19 Julai 2006, di UPM Serdang.

ABSTRACT

This article describes the condition of the Malay society and civilisation which has built a glorious civilisation at its peak, although its centre moved from one place to another in the Malay Archipelago. Even today from quantitative point of view, the Malay language family is the fourth in the world (300 millions) and among the Muslim society, Malay speakers make up the biggest number in the world (250 millions). With the coming of the western colonial powers in the 16th century, the centres of Malay civilisation fell one after another to the colonialists, till in the 19th century it was totally vanquished by the British, Dutch and Spanish. After the middle of 20th century the Malay world gained independence and have the opportunity to build their civilisation again. However, new form of western colonisation namely globalization and hegemony in culture, economy, knowledge, philosophy, information and communication technology as well as in politic and international relation once again dominate and captivate the world. To counter and confront this negative aspect of globalization and hegemony, this article put forward several strategies.

PENDAHULUAN

Tidak dapat dinafikan lagi kini bahawa dari segi kuantitatifnya jumlah manusia yang tergolong dalam keluarga bahasa Melayu-Polinesia merupakan antara golongan rumpun yang terbesar di dunia. Dalam senarai bahasa dunia, Melayu-Polinesia menduduki tempat yang keempat terbesar dari segi jumlah penutur, iaitu seperti yang berikut:²

Jadual 1 Bahasa/keluarga bahasa utama dunia.

Kedudukan Keluarga Bahasa	Jumlah Penutur	Wilayah Geografi
1. China (Sino-Tibet)	1.3 bilion	China dan Tibet
2. Sepanyol	322 juta	Sepain, Amerika Latin
3. Inggeris	309 juta	UK, US, Australia, Kanada, N. Zealand, dan lain-lain.
4. Melayu-Polinesia	300 juta	Nusantara, Kepulauan Pasifik, Malagasi, Taiwan

2 Rujuk: <http://www.nvtc.gov/lotw/languageListFamily.html>

Sambungan Jadual 1

Kedudukan Keluarga Bahasa	Jumlah Penutur	Wilayah Geografi
5. Arab	206 juta	Timur Tengah, Afrika Utara, dan lain-lain.
6. Hindi	180.8 juta	India Tengah dan Utara
7. Portugis	178 juta	Portugal, Brazil
8. Jepun	125 juta	Jepun
9. Benggali	100 juta	Bangladesh
10. Jerman	95 juta	Jerman


Dari segi kumpulan yang beragama Islam, Bahasa Melayu ialah bahasa Islam yang paling besar di dunia dengan sekitar 250 juta penutur, mengatasi penutur bahasa-bahasa Islam yang lain di dunia, iaitu seperti yang berikut:

Jadual 2 Bahasa-bahasa Islam utama dunia.³

Kedudukan Bahasa	Jumlah Penutur
1. Bahasa Melayu	250 juta
2. Bahasa Arab	206 juta
3. Bahasa Benggala	100 juta
4. Bahasa Turki	69.7 juta
5. Bahasa Parsi Iran	68 juta
4. Bahasa Urdu	60.5 juta
5. Bahasa Swahili	30 juta

Secara kuantitatifnya, ini menjadikan rumpun Melayu benar-benar merupakan maha wangsa Islam (bangsa Islam terbesar) di dunia. Status bahasa Melayu ini sebagai bahasa Islam terbesar di dunia bukanlah suatu kebetulan, tetapi hasil daripada satu peristiwa sejarah panjang yang menjangkau hampir satu milenium atau 1000 tahun. Bahkan boleh juga dianggap pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa Islam terbesar ini merupakan satu takdir Ilahi, sehingga seluruh kumpulan rumpun Melayu ini mengenali diri mereka sebagai orang Melayu yang berbahasa Melayu, beradat resam Melayu dan beragama Islam, walaupun mereka dari segi etniknya tergolong dalam ratusan kumpulan suku kaum dan etnik, misalnya Jawa, Melayu, Sunda, Sulu, Tausuk, Iban, Banjar, Bugis, Batak,

³ <http://www.nvtc.gov/lotw/languageListFamily.html>



Wikipedia, the free encyclopedia: Keluarga Bahasa Melayu-Polinesia

Minang, Aceh, Melanau, dan lain-lain. Inilah sebenarnya citra rumpun Melayu di seluruh Kepulauan Melayu sebelum datangnya kuasa penjajah dengan misi 3G mereka, iaitu *Gold, Glory, Gospel*, yang telah merosakkan homogeniti, keharmonian dan kemahawangsaan rumpun Melayu.

MENGIMBAS KEMBALI SEJARAH, MEMUPUK YAKIN DIRI DAN HARGA DIRI

Selama hampir 1000 tahun sejak abad kelima hingga abad ke-16 Masihi, manusia dan rumpun Melayu telah membentuk peradabannya yang telah mampu menguasai sebuah wilayah tanah daratan dan perairan di Asia Tenggara yang termasyhur dengan nama jolokan orang Barat sebagai *The Malay Archipelago* atau “Gugusan Kepulauan Melayu”. Bagi rumpun Melayu pada zaman Islam, wilayah ini lebih terkenal sebagai “Tanah Jawi”.

Bermula dengan kerajaan-kerajaan di Sumatra seperti Sriwijaya abad kelima (pada abad ke-11/12 bertukar nama kepada Melayu), Perlak (bermula sekitar 840), Samudera Pasai (bermula sekitar 976), kepada kerajaan-kerajaan dan penempatan di Jawa seperti Taruma (abad kelima), Sailendra (abad kelapan), Mataram (abad kesembilan), Singahsari (abad ke-13), Majapahit (akhir abad ke-13), Demak (sekitar abad ke-15), Bantan, Pejajaran, Surabaya; seterusnya kerajaan Terengganu (sekitar 1303), Melaka (bermula sekitar 1400), Sulu (sekitar 1405), Brunei (sekitar 1406), Banjarmasin, Makasar (1604), Mindanao (sekitar 1515), Sulu (sekitar 1405), Ternate (sekitar 1486), Tidore (sekitar 1475), Patani (sekitar 1500), Aceh (sekitar 1500), Minangkabau, Johor Riau dan lain-lain.

Pusat-pusat kerajaan dan penempatan itu sebenarnya merupakan dunia Melayu inti dengan lokasi geografinya yang strategik terletak di tengah-tengah laluan perdagangan maritim antara Timur dengan Barat yang lumayan, di samping mempunyai kekayaan sendiri dalam pengeluaran bahan galian (emas, perak, bijih timah, dan lain-lain), rempah rampai dan ladanya yang amat diperlukan di dunia Timur dan Barat.

Sejak hampir 1000 tahun dari zaman Empayar Sriwijaya sehingga ke zaman penjajahan kolonialis Barat bermula pada abad ke-16, perairan di Kepulauan Melayu dan sekitarnya, merupakan medan perdagangan dan aktiviti maritim rumpun Melayu. Mereka ialah kelompok manusia yang amat gigih mengharungi lautan dan perairan di Selat Melaka, Selat Sunda, Selat Makasar, Laut Sulu, Laut Sulawesi, Laut Maluku, Laut China Selatan,

Lautan Hindi, Teluk Benggala, Teluk Siam, Laut Arab, dan bahkan Laut Merah di Afrika.

Pusat-pusat perniagaan maritim di wilayah ini telah dikunjungi oleh pelbagai pedagang dan pengembara dari China, India, Eropah, Arab, Farsi, India, Burma, Siam, dan lain-lain. Raja-raja dan pembesar mereka merupakan pemodal dan usahawan yang gigih, manakala perwira, malim dan kelasi mereka merupakan pelaut yang handal. Kapal-kapal dagangan mereka telah sampai di pelabuhan negeri China, Farmosa, Indo-China, Siam, Burma, India, Arab bahkan ada yang sampai di Afrika Utara.

Tome Pires, iaitu pencatat rasmi kerajaan kolonial Portugis, telah memerihalkan pelabuhan Melaka, sebagai mercu tanda kejayaan dan kegemilangan rumpun Melayu dalam kegigihan membina peradaban mereka, seperti yang berikut (Armando Cortesao, 1944:268):

Tiada pelabuhan sebesar Melaka diketahui di mana-mana pun yang mendagangkan barang seindah dan setinggi nilainya. Tidak syak lagi tentang kepentingan hal ehwal Melaka yang boleh mendatangkan keuntungan dan kegemilangan yang besar. Ia merupakan sebuah negeri yang tidak akan merosot bahkan terus meningkat berdasarkan kedudukannya.

Simon Elegant yang menulis dalam *Far Eastern Economic Review*, 10 Jun, 1999:45, menegaskan:

Lima abad dahulu, Melaka menerima kunjungan 2,000 kapal setiap hari, iaitu sebanyak bilangan kapal yang berlabuh di pelabuhan Singapura yang dikatakan sebagai tiga pelabuhan yang tersibuk di dunia. Barang seperti kulit dan buah pala, cengkoh, gaharu, teh, porselin dan sutera diangkut melalui Melaka dalam perjalanan ke Eropah yang amat memerlukan bahan rempah. Dari kepulauannya sehingga ke selatan datang pula kapur barus, sarang burung, lada hitam, kesturi, emas dan gading. Dan dari barat yang dibawa oleh kebanyakannya pedagang Selatan India dan Timur Tengah, datang pula kapas, senjata, setanggi, candu, pewarna, perak, ubat-ubatan dan kadang-kadang gerombolan pengembara Portugis.

Di sini tinggalnya orang-orang Gujrat, Tamil, dan Benggali, yang bermiaga secara aman dengan orang Melayu, Cina dan Arab, iaitu sebuah bandar yang mempunyai 100,000 orang penduduk dengan 84 jenis bahasa dituturkan di pasar. Sultan yang memerintah Melaka memastikan perairan bebas daripada perompak. Barang dapat disimpan dengan selamat di dalam ratusan gudang yang terkawal

rapi, dan jika ada pertelingkahan, undang-undang negeri dilaksanakan secara adil ke atas orang Melaka dan juga orang asing.

Pada abad ke-15, Melaka dan Pasai telah menjadi pusat kebudayaan Melayu Islam dan menjadi nadi kegiatan pengajaran dan penyebaran agama Islam untuk seluruh Kepulauan Melayu. Puncak kegemilangan tamadun Melayu Islam di Melaka yang menjadi kerajaan yang terulung di Kepulauan Melayu ketika itu, iaitu pada zaman Sultan Mansur Syah setelah menaiki takhtanya pada tahun 1459. Pada tahun yang sama, dengan kejatuhan kerajaan Islam di Andalusia ke tangan orang Kristian, dan enam tahun sesudah tertewasnya Empayar Rumawi Timur pada tahun 1453 di Constantinople oleh kerajaan Turki, Uthmaniyyah yang menjadikannya tumpuk pemerintahan Khilafah Uthmaniyyah sehingga ke tahun 1923 apabila ia digulingkan oleh Kamal Ataturk.

Di Melaka, institusi istana telah menjadi pusat kegiatan pengajaran, kepustakaan dan penyebaran agama Islam, seperti halnya dengan kerajaan Bani Umayyah dan Bani ‘Abbasiyah pada zaman kegemilangan mereka, yang juga telah menjadikan istana sebagai pusat pembelajaran dan muzakarah tentang ilmu-ilmu Islam. Penyalinan, penterjemahan dan penyimpanan kitab-kitab dan persuratan juga dilakukan di istana. *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* dan *al-Durr al-Manzum* adalah antara naskhah yang dilaporkan oleh *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)* sebagai kitab yang tersimpan di istana Melaka. Kitab *Bahr Lahut* karya Sheikh Abdullah ‘Arif (1177) mengikut pendapat W. M. Saghir Abdullah, telah diterjemahkan di Melaka pada zaman ini dengan judul *Bahr Dahut*. (W. M. Saghir Abdullah, 1996:1–2).

Ulama-ulama dari Timur Tengah, Teluk Parsi, India dan lain-lain antaranya Makhdum Sayid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Kadi Yusuf, Maulana/Makhdum Sadar Johan dan Maulana Jalal al-Din telah mengunjungi Melaka untuk mengajar para pembesar termasuklah Sultan Melaka sendiri selain rakyat jelata, tentang ilmu-ilmu Islam. Jawatan kadi dan fakih menduduki barisan para pembesar istana Melaka (lihat Mohd Yusuf Iskandar, 1979:52, dan Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990:59).

Selain orang Melaka sendiri, ramai juga penuntut yang berasal dari tempat-tempat lain di Kepulauan Melayu yang belajar di Melaka, yang apabila pulang ke tanah air telah menjadi penyebar agama Islam, dan sesetengahnya menujuhkan pusat-pusat pendidikan Islam mereka sendiri, seperti halnya dengan beberapa tokoh ‘Wali Songo’, iaitu Sunan Bonang

dan Sunan Giri. (S. M. Naquib al-Attas, 1969:12 dan Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990:60).

Melaka juga pada pertengahan kurun ke-15 merupakan antara pelabuhan yang tersibuk di dunia, seperti yang dinyatakan oleh Tom Pires pada tahun 1512 dan Simon Elegant di atas. Ini dengan jelas menggambarkan Melaka sebagai sebuah pusat tamadun Melayu Islam yang telah mencapai taraf dunia, dengan organisasi dan institusi sosial dalam bidang ekonomi, politik, pentadbiran, perundangan, norma dan etos yang teratur, kukuh dan berwibawa.

Apabila Melaka dikalahkan dalam tahun 1511 oleh Portugis dalam rangka mereka meneruskan semangat perang salib untuk menewaskan kerajaan-kerajaan Islam, tamadun Melayu Islam tidak berkubur di Melaka. Sebaliknya, pusat-pusat tamadun Melayu Islam yang lain telah muncul di Patani (1500), di Brunei (sekitar akhir kurun ke-15), di Jawa, iaitu Gerisik (sejak 1419), Demak (sejak 1450), Bantan (1527), Surabaya (1525), Sunda Kelapa (Jayakarta/Jakarta, 1527), Mataram (1586), di Sulu (1405), dan yang paling penting adalah di Aceh. Di bawah pimpinan Sultan Ali Moghayat Shah (1507 – 1522) Aceh telah bangkit untuk memainkan peranan seperti Melaka, iaitu sebagai pusat pelabuhan dan perdagangan entrepot di antara negara di barat seperti India, Timur Tengah dan Asia Barat dengan negara di Timur, iaitu China, Kepulauan Melayu dan Indo China, di samping menjadi pusat pengajian dan penyebaran agama Islam.

Tamadun Melayu Islam Aceh

Aceh telah diasaskan pada tahun 1205, yang selepas kejatuhan Melaka telah muncul sebagai pusat terpenting tamadun Melayu Islam dan nadi penyebaran Agama Islam di Kepulauan Melayu dalam abad ke-16 dan ke-17. Keunggulan Aceh diperkuat oleh hubungan diplomatik, politik dan ekonomi yang erat dengan kerajaan Uthmaniyyah Turki di Istanbul sejak tahun 1530-an, iaitu sesudah Sultan ‘Alau al-din al-Qahhar menaiki takhta Aceh pada tahun 1537. Sultan Aceh itu telah menandatangani perjanjian ketenteraan dan perdagangan dengan Sultan Sulaiman al-Qanuni Uthmaniyyah melalui governor atau pasya mereka di Kaherah Mesir. Sultan Aceh telah menghantar misi diplomatik ke Turki yang telah sampai di Istanbul pada tahun 1562. Pada tahun 1565, satu lagi misi Aceh telah sampai di Istanbul untuk mendapatkan bantuan ketenteraan bagi menentang Portugis di Melaka.

Raja-raja Aceh seterusnya, iaitu Sultan Mansur Shah (1577–1588)

dan Sultan 'Alau al-Din Ri'ayat Shah (1588–1604) juga telah meneruskan hubungan dengan kerajaan Uthmaniyyah Turki. Selanjutnya hubungan diplomatik, ketenteraan dan perdagangan itu diteruskan lagi oleh Sultan Aceh berikutnya iaitu Sultan Iskandar Muda (1607–1636) yang terkenal itu. Hasil daripada perjanjian itu satu rombongan armada Aceh terdiri daripada tiga buah kapal telah sampai di Istanbul dan mereka telah diberi bantuan sejumlah senjata dan 12 orang pakar tentera Turki yang telah membantu dalam pembinaan pertahanan di Banda Aceh. (H. M. Zainuddin, 1961:272–277; dan Azyumardi Azra, 1995:52–54).

Pada pertengahan kurun ke-16 aktiviti perdagangan Aceh di Lautan India berada pada kemuncaknya, dengan kapalnya yang besar penuh sarat dengan rempah-ratus sampai ke Jeddah dan Laut Merah, singgah di pelabuhan-pelabuhan utama di Benua Kecil India seperti Bengal dan Cambay, dan juga di tanah Arab seperti Hormuz, Aden dan lain-lain.

Selain hubungan politik dan perdagangan Aceh juga dengan cara yang berterusan telah menerima kunjungan para ulama terkemuka daripada Tanah Arab dan Gujirat sejak tahun 1570-an yang dengan demikian telah menjadikan Aceh pusat keilmuan Melayu Islam utama di Kepulauan Melayu yang telah melahirkan ulama/penulis Melayu Islam terulung seperti Hamzah Fanzuri (hidup sekitar akhir abad ke-16), Shamsuddin al-Sumatra'i (meninggal pada 1625), Nuruddin al-Raniri keturunan Arab-India [berasal dari Randir India tetapi berkarya kebanyakannya dalam bahasa Melayu (meninggal pada 1644)], Abdul Ra'uf Singkel al-Fansuri (1592/1615/1620?–1693), iaitu penterjemah al-Qur'an sebanyak 30 juzuk yang pertama ke dalam bahasa Melayu yang dinamakan Tarjuman al-Mustafid atau lebih dikenal sebagai Tafsir Baidhawi, dan tokoh-tokoh lain lagi. (W.M. Shaghir Abdullah, 1996:2-3).

Tamadun Melayu Islam Patani

Pada abad ke-18 dan ke-19, Patani pula menjadi satu daripada pusat pengajian dan peradaban Melayu Islam yang terkemuka di Kepulauan Melayu bersama-sama Kepulauan Riau. Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fathani yang dianggarkan oleh W. M. Shaghir Abdullah hidup sekitar tahun 1718/1720–1847/1897 (Syeikh Daud al-Fatani, 1996:7–8), telah memulakan pengajiannya di Patani di bawah ulama dari Patani, dan juga dari Timur Tengah dan Yamen sebelum melanjutkan pelajarannya ke Makkah (V. Matheson dan M. B. Hooker, 1988:20). Abdul Samad al-Falimbani (1704–1789/1828?) dikatakan mendapat

pendidikan awal di Petani sebelum berangkat ke tanah Arab (A. Azra, 1994:246). Kaedah pengajian ilmu-ilmu Islam di Masjid al-Haram Makkah telah diterapkan ke dalam sistem pendidikan pondok di Patani dan juga di tempat-tempat pengajian agama Islam tradisional di seluruh Kepulauan Melayu. Sistem pendidikan pondok di Patani telah tersebar ke tempat-tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu bersama-sama dengan penyebaran para lulusannya seperti di Kelantan, Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan dan lain-lain (Matheson dan Hooker, 1988:4, nota 13, Omar Farouk, 1986:251, nota 2, dan A. Azra, 1994:259). Kitab-kitab Jawi yang dicetak di Makkah dan Mesir telah digunakan sebagai buku teks dalam sistem pengajian demikian. Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani (1856-1906) dikatakan sebagai orang Melayu yang pertama menjadi editor (pentashih) percetakan kitab-kitab Jawi demikian, dan antara kitab yang paling awal ditashih oleh beliau ialah kitab *Hidayat al-Salikin* tercetak pada tahun 1880 di Mesir (W. M. Saghir, 1992:81–82).

Ulama-ulama Patani, selain ulama dari tempat-tempat lain, misalnya Abdul Samad al-Falembani (Palembang) yang mengajar di Makkah, amat besar peranannya dalam mempengaruhi perkembangan ilmu dan peradaban Melayu Islam ke seluruh pelosok Kepulauan Melayu. Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, misalnya telah menarik ramai penuntut yang kemudiannya menjadi pemimpin agama dan juga politik dalam akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 di Kelantan, Negeri Sembilan, Sambas (Kalimantan Barat), Kemboja, dan lain-lain.

Terengganu, Kelantan dan Banjarmasin sebagai Pusat Tamadun Melayu Islam

Dari Patani, tradisi keilmuan dan pendidikan Melayu Islam yang membukukan tamadun Melayu Islam telah mengalir ke Kelantan dan Terengganu yang dikatakan tergolong dalam wilayah Empayar Patani Besar (Greater Patani) sebelum didominasi oleh kuasa Siam, seperti yang dilaporkan oleh seorang penulis Belanda John Nieuhoff pada tahun 1653 (Mohd Zamberi A. Malik, 1993:77–78).

Di Terengganu, antara ulama terulung yang menyemai dan mengembangkan tradisi pendidikan dan keilmuan Islam yang menjadi asas pembinaan peradaban dan tamadun Melayu Islam ialah Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (meninggal pada 1739) yang lebih terkenal dengan nama Tok Pulau Manis, Syeikh Wan Hasan Wan Ishak (karya

beliau, *Hidayat al-Mukhtar*, tertulis 1833), Wan Ali Wan Ishaq, Sayid Muhammad bin Sayid Zainal Abidin al-Idrus (Tokku Tuan Besar), Sayid Ahmad bin Sayid Muhammad al-Idrus (Tokku Melaka/Tuan Sayid Embun Terengganu), Haji Mahmud bin Muhammad Yusuf dan lain-lain.

Di Kelantan, tradisi pendidikan dan keilmuan Melayu Islam mendapat asasnya daripada sistem pendidikan pondok yang ada pertalian rapat dengan sistem pendidikan pondok di Patani yang berpuncak daripada sistem pendidikan Islam di Masjid al-Haram Makkah. Pada pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20, antara pondok yang ter-masyhur di Kelantan ialah Pondok Pulai Chondong (diasaskan oleh Haji Abdul Samad bin Faqih Haji Abdullah atau Tok Pulai Chondong (1792 – 1873)), Pondok Sungai Pinang (diasaskan oleh Haji Abdul Malik bin Hassan atau Tok Malik Sungai Pinang (1813–1928), Pondok Kenali [(diasaskan oleh Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad atau Tok Kenali (1868 – 1933)].

Di Kelantan, antara ulama yang terkemuka ialah Haji Ahmad bin Muhammad Yusuf bin Abdul Halim (karya beliau *Dar al-Hisan* tertulis pada tahun 1868), Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh (Tuan Tabal dengan karyanya yang terkemuka, *Jala al-Qulub* tertulis pada tahun 1870), Sheikh Wan Ali Kutan (karyanya yang terawal *al-Jauhar al-Mauhub wa Muanbbih al-Qulub* tertulis pada tahun 1888), Muhammad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali, 1868 – 1933) yang membantu penubuhan Majlis Ugama Islam Kelantan (1915) dan Madrasah al-Muhammadiah (1918), Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah Pemangku Mufti Kerajaan Kelantan (meninggal pada 1915), Haji Wan Musa Haji Abdul Samad, Mufti Kerajaan Kelantan (meninggal pada 1943), Dato' Laksamana Haji Muhammad bin Dato' Haji Mohd Khatib, Setiausaha Kerajaan Kelantan (meninggal pada 1939), Dato' Perdana Haji Nik Mahmood bin Haji Ismail Qadhi yang menjadi Menteri Besar Negeri Kelantan selama sesuku abad (meninggal pada 1964), dan lain-lain.

Banjarmasin Kalimantan pada kurun ke-18 dan ke-19 juga merupakan satu lagi pusat peradaban dan pengajian Melayu Islam. Ulama paling masyhur yang mengasaskan pendidikan dan persuratan Melayu Islam di kawasan ini ialah Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari (1710 – 1812) dengan kitab beliau yang termasyhur, *Sabil al-Muhtadin* dan *Kitab Perukunan*, dan Muhammad Nafis bin Idris bin Husain al-Banjari (lahir 1735) dengan kitab beliau yang utama, *al-Durr al-Nafis fi Bayan Wahdat al-Af'al al-Asma' wa al-Zat al-Taqdis* yang dicetak

berkali-kali di Kaherah dan tersebar di seluruh Kepulauan Melayu.

Riau sebagai Pusat Tamadun Melayu Islam Kurun ke-18 dan ke-19

Riau yang mula diasaskan di Sungai Carang Pulau Bentan pada tahun 1673 oleh Tun Abdul Jamil seorang bendahara kerajaan Johor (lihat Drs. Ruswan, *Raja Ali Haji*, 1989:13), juga merupakan satu pusat peradaban dan persuratan Melayu Islam pada abad ke-18 dan ke-19. Riau (yang dikatakan berasal daripada perkataan “riuh (ramai)” mencapai kemuncak kemakmuran pada zaman pemerintahan Yang Dipertuan Muda Riu IV Raja Haji (1777–1784). Ramai pedagang luar dan para ulama dari Timur Tengah dan juga Kepulauan Melayu telah berkunjung ke Riau (*Ibid*:14). Hasan Junus (1988:8-9, 181–182) dengan berdasarkan karya Raja Ali Haji *Tuhfat al-Nafis* (naskhah cetakan 1965) telah menceritakan Riau, seperti yang berikut:

“Masa pemerintahannya [Raja Haji] merupakan puncak ketenaran dan kemakmuran Riau. Benih gembiranya ... merupakan benih perekonomian yang hasilnya berlipat kali ganda pada pemerintahan Raja Haji ... Dari segala macam jenis alat-alat pengangkutan laut yang berkumpul di pelabuhan dapatlah diketahui berapa ramainya (besarnya) perdagangan di situ. Catatan penduduk negeri ... sebanyak 90,000 jiwa.”

(Hasan Junus, 1988:8–9)

Seterusnya, beliau memetik:

“Maka datanglah beberapa buah perahu dagangan dari jauh, datanglah kapal-kapal dan kici-kici dari Bengala berpuluhan-puluhan buah, dan dari China datang pula wangkang-wangkang kepala hijau dan kepala merah berpuluhan-puluhan buah, datang pula tob-tob dari Siam membawa beras dan lainnya dan perahu Jawa demikian juga apa lagi perahu dari Bugis dan apa lagi perahu-perahu dari rantau-rantau, bercucuk ikanlah di dalam Sungai Riau dari Kuala sampai ke hulu Riau. Maka berpaluk-paluk dagangan Jawa dengan Riau seperti gambir. Maka banyaklah saudagar-saudagar China apa lagi Bugis, banyaklah yang kaya-kaya. Maka pada masa itu banyaklah orang-orang kaya Riau.”

(Hasan Junus, 1988:181–182)

Istana telah menjadi pusat pendidikan dan kegiatan persuratan Melayu Islam Riau dengan golongan anak-anak pembesar menjadi para murid

manakala golongan pembesar termasuk Yang Dipertuan Muda sendiri menjadi para penaung dan aktivisnya, seperti yang dinyatakan dalam *Tuhfat al-Nafis* (naskhah cetakan 1982:341):

“Dan pada masa kerajaannya [Raja Ali] mendirikan agama Islam, mendirikan Juma’at dan memerintahkan perempuan bertudung, dan menyempurnakan berbuat masjid ... Pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah banyak ulama’ yang datang dengan kemauafakatan saudaranya Raja Haji Ali, maka dikurniakan masarif, disuruhnya segala pegawai-pegawai negeri menuntut ilmu perkara agama dan mengaji kitab-kitab dan belajar membaca Qur'an al-'Azim. Dan dia sendiri pun suka *talabat al-'ilmu*. Maka diusahakan oleh saudaranya Raja Haji Ali, beberapa orang ilmu-ilmu seperti Sayid Abdullah Baharain dan lainnya duduk mengajar di dalam Pulau Penyengat setahun.”

Dalam *Tuhfat al-Nafis* (naskhah cetakan 1965) dinyatakan bahawa tempat *talabat al-'ilmu* telah menjadi satu macam pusat pengajian di Pulau Penyengat, di mana pengajian ilmu bahasa Arab, usuluddin, fikah dan tasawuf diajarkan. Antara kitab yang digunakan ialah *Matan al-Jurumiyyah* berserta dengan syarahnya oleh ibn al-Jurumi, *Matan Alfiyah Ibn Malik* oleh ibn Malik al-Andalusi berserat dengan syarahnya, *Bidayat al-Hidayah*, *Minhaj al-'Abidin* oleh Imam al-Ghazali, *Jauhara al-Tauhid* oleh al-Laqani dan *Umm al-Bara'in* oleh al-Sanusi. Semasa Raja Abdullah pulang dari membuat haji dan belajar di Makkah selama setahun, beliau telah membawa bersamanya dua orang ulama, iaitu seorang Arab bernama Syeikh Ahmad Jabarati dan seorang tokoh Melayu yang terkenal, iaitu Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. Para ulama lain yang berkhidmat di Riau pada zaman itu ialah Habib Syeikh al-Sagaf, Sayid Hassan al-Hadad, Kiayi Beranjang, Syahabuddin Abu Bakar Bugis, Haji Amin al-Banjari, Sayid Abdullah Baharain, Syeikh Ismail dan Sayid Ghulam al-Rasul (*Tuhfat al-Nafis*, naskhah cetakan 1965:340 – 364).

Hasil daripada suasana keilmuan dan pendidikan yang demikian, Riau telah melahirkan barisan penulis dengan buah pena mereka yang begitu semarak, terutama sekali dalam kerajaan Johor, Riau, Singapura dan Pahang pada abad ke-19 yang dengan demikian telah menjadikan Riau salah satu pusat ketamadunan dan persuratan Melayu Islam yang utama di Kepulauan Melayu. Penulis Riau terulung yang telah menjadi representatif bagi sebarisan penulis Riau yang lain tidak syak lagi ialah Raja Ali Haji (sekitar 1809 – 1872).

Raja Ali Haji sendiri telah menghasilkan kira-kira 12 karya, sama ada karya asli ataupun terjemahan/saduran yang meliputi bidang agama Islam, sejarah, sastera, bahasa, politik dan lain-lain, berbentuk prosa ataupun puisi. Karya-karya beliau itu ialah *Gurindam Dua Belas* (1846/47), *Sya'ir Abdul Muluk* (1846, mungkin bersama-sama saudara perempuannya), *Bustan al-Katibin* (1850), *Muqaddimah fi Intzam al-Wazaif al-Mulk Khususan lil Maulana wa Sabihina Yang Dipertuan Muda Raja Ali al-Mudabbir Biladi al-Riauwiyyah wa Saira Dairatihi* (1857), *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1858/59), *Thamarat al-Muhimmah* (1858), *Salasilah Melayu dan Bugis* (1865), *Tuhfat al-Nafis* (1865), *Syair Hukum Nikah atau Suluh Pegawai* (1866), *Syair Siti Shianah* (1866), *Taman Permata* (?), dan *Syair Sinar Gemala Mastika Alam* (?).

Pada tahun 1890, telah lahir sebuah pertubuhan persuratan yang ulung di Riau, iaitu Persekutuan Rusydiyyah hasil daripada daya usaha sebarisan cendekiawan Riau, yang telah mencetuskan penghasilan banyak buah pena para anggotanya, kerana sebagai satu syarat keanggotaan, para ahli yang terdiri daripada kebanyakan pembesar Riau, mesti menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah karya. Dengan demikian, muncullah penghasilan karya dalam pelbagai bidang daripada anggotanya, seperti bahasa, sastera, sejarah, politik, agama dan lain-lain. Untuk menyebarluaskan hasil-hasil itu, sebuah badan percetakan telah ditubuhkan di Pulau Penyengat sekitar tahun 1894, iaitu *Matba`ah al-Riauwiyyah* atau *Matba`ah al-Ahmadiyah* (sempena nama Yang Dipertuan Muda Riau yang ke-10, Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi, tetapi berbeza dengan Matba`ah al-Ahmadiyah yang ditubuhkan di Singapura pada tahun 1920).

Sebagai kesimpulan, Riau pada kurun ke-19 telah menjadi pusat kebudayaan dan persuratan Melayu yang utama di Alam Melayu, dengan hasil karya yang banyak dan kumpulan karyawan yang ramai.

Khazanah Persuratan Melayu

Hasil daripada kegiatan keilmuan dan persuratan Melayu sepanjang hampir 1000 tahun, terutama sekali dalam tulisan Jawi, maka ribuan karya telah ditulis, diterjemahkan atau disesuaikan daripada bahasa Sanskrit, Tamil, Farsi, Arab dan lain-lain. Dianggarkan terdapat antara 4000–10 000 manuskrip Melayu, Jawa, Acheh, Bugis, Sunda, Sasak, Arab dan lain-lain yang tersimpan di perpustakaan dan milik persendirian di Kepulauan Melayu dan juga di Eropah, Amerika dan lain-lain, iaitu anggaran oleh S. W. R. Mulyady sebanyak 4000, Ismail Hussein 5000, dan

R. Jones 10 000 (lihat Mahayuddin Haji Yahya, 1994:349). Manuskrip-manuskrip itu merangkumi pelbagai bidang ilmu pengetahuan, baik dalam bidang agama Islam, kesusasteraan, perundangan, perubatan, pelbagai petua melakukan sesuatu pekerjaan, sejarah, kemasyarakatan, teknologi (membuat keris, meriam, rumah, dan lain-lain), pengajian bahasa dan penulisan, dan beberapa bidang lagi.

Selain itu, terdapat pula kitab-kitab Jawi atau lebih terkenal dengan nama ‘Kitab Kuning’ (kerana warna kertasnya kekuningan) yang dicetak, sama ada di syarikat percetakan di Kepulauan Melayu ataupun di Timur Tengah, dan di India. Martin van Bruinessen (1989) telah mengumpulkan kitab-kitab itu dan dipunggahnya ke KITLV Leiden, hasil pembeliannya di toko-toko buku di Kepulauan Melayu. Kitab-kitab itu digunakan sebagai buku teks atau rujukan di pondok dan pesantren di seluruh Kepulauan Melayu. Beliau telah menyenaraikan sebanyak 900 judul yang berbeza, iaitu terdiri daripada 20% bidang fiqah, 17% aqidah dan usuluddin, 12% nahu Arab, lapan peratus koleksi hadis, tujuh peratus tasawuf dan tariqah, enam peratus akhlak, lima peratus koleksi doa, wirid dan mujarabat, dan enam peratus kesah ambia, mawlid al-Rasul dan manaqib.

W. Muhd Shaghir Abdullah dalam “Katalog Besar Karya Melayu Islam (Jawi)” (belum diterbitkan) telah menyenaraikan 182 orang pengarang dan sekitar 700 buah kitab (kebanyakannya dalam simpanannya) tentang pelbagai bidang ilmu yang terkarang dan tersebar di seluruh dunia Melayu

Karya-karya itu telah dihasilkan secara kreatif oleh ratusan penulis dan ulama di seluruh pelosok Kepulauan Melayu, sama ada berbentuk asli ataupun hasil terjemahan, syarah, adaptasi daripada kitab-kitab Arab, Parsi, Urdu, Tamil dan lain-lain.

Kemerosotan dan Kebangkitan Kembali Tamadun

Kemerosotan dan penurunan tamadun Melayu Islam, sepertilah halnya dengan kemerosotan tamadun Islam amnya, berlaku apabila tiada lagi keseimbangan dan kesaksamaan antara tuntutan dan kekreatifan fizikal, mental dan spiritual; nilai kebendaan mengatasi kerohanian, dan kekreatifan serta daya usaha intelek dan akal tidak dipandu oleh prinsip wahyu, ataupun sebaliknya keutamaan dan kecenderungan kepada nilai dan amalan kerohanian secara keterlaluan yang mengatasi tuntutan kebendaan, kekreatifan intelek dan akal fikiran.

Dari sudut faktor langsung pula, tamadun runtuh apabila masyarakat menggunakan bahan sumber dan barang simpanannya untuk memenuhi kehendak-kehendak kemewahan dan kemegahan yang mengurangkan pelaburan untuk pertumbuhan masa depan; kadar penggunaan melebihi pengeluaran yang menyebabkan kenaikan harga barang dan inflasi. Juga keadaan kealpaan dan kecuaian pada peringkat masyarakat dan negara telah mengabaikan kewaspadaan dan kehematan; kemalasan dan kelesuan telah mengetepikan kerajinan, kesungguhan, ketabahan dan keusahawanan, dan seumpamanya.

Tambahan lagi, akibat daripada pengaruh kebendaan,kekayaan, pangkat, kedudukan dan kekuasaan hasil daripada peningkatan aspek kebendaan tamadun, yang merosotkan aspek akhlak dan etiknya, maka timbulah hasad,dengki, dendam,kesumat, penyelewengan dan pembelotan,keangkuhan dan kezaliman, perkelahian, perebutan kuasa dan pertumpahan darah sesama sendiri. Itu semua merupakan keretakan dalaman yang berpunca daripada kerosakan ciri-ciri Islam, iman dan ihsan dalam diri manusia dan masyarakat Islam sendiri.

Keretakan dalaman itu apabila disertai pula oleh pencerobohan dan serangan daripada kuasa luar yang lebih kuat yang berniat untuk menjajah, maka parahlah padahnya, iaitu perpecahan, kekecundangan dan kehancuran. Gejala seperti demikianlah yang telah berlaku dalam peristiwa kejatuhan pusat-pusat tamadun Melayu Islam yang disebutkan di atas.

Ibn Khaldun (1332 – 1406) mengemukakan teori kemunculan, kebangkitan dan kemerosotan sebuah kerajaan atau tamadun mengikut lima tahap (lihat Dawood, N. J. edited & abridged version of R. Rosenthal's translation, *Ibn Khaldun the Muqaddimah: An Introduction to History*, 1981:141, dan Ahmadie Thoha (Penterjemah), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, 2000: 214–216), iaitu:

- (1) **Tahap kejayaan** apabila satu dinasti baharu ditubuhkan melalui penumpasan dinasti yang lama, dan ketuanya mengekalkan rasa kekitaan (*al-sobiah*) dan perhubungan yang rapat dengan seluruh pengikutnya melalui tindakan yang memanfaatkan mereka semua;
- (2) **Tahap pemantapan kedudukan dan kekuasaan ketuanya** sebagai raja melalui proses legitimasi royaltinya dan membina golongan pendukungnya berdasarkan kekeluargaannya yang semakin eksklusif dan terasing daripada rakyat jelata;
- (3) **Tahap penikmatan, keseronokan dan kemegahan** golongan

bangsawan melalui pelonggokan harta, pangkat, kuasa, pembinaan monumen dan sebagainya;

- (4) **Tahap kepuasan dan keamanan;** raja dan pembesarnya puas dengan menikmati dan mematuhi segala apa yang dibina dan diwariskan oleh generasi yang mendahuluinya;
- (5) **Tahap pembaziran, pemborosan, penyalahgunaan dan pemusnahan;** raja/ketua membazirkan khazanah negara untuk keseronokan dan berfoya-foya, pembentukan kroni dan pendukung dari kelas bawahan yang buruk akhlak dan zalim yang menimbulkan kebencian, penentangan dan konflik dalam dan pemberontakan dari kalangan rakyat jelata, yang akhirnya membawa kepada pemusnahannya oleh satu puak yang baharu yang akan menubuhkan pula satu kitaran dinasti/tamadun yang baharu lagi.

Caroll Quigley pula mengemukakan dalam bukunya, *The Evolution of Civilizations* (1979:146-166) tujuh tahap naik turun sesebuah tamadun, iaitu:

- (1) **Tahap Percampuran,** iaitu terdapat suasana percampuran beberapa elemen budaya yang berbeza selalunya di kawasan perbatasan sesebuah peradaban yang menyebabkan berlakunya satu dinamisme perubahan yang akan mencetuskan kemunculan satu peradaban yang baharu, contohnya peradaban Canaan, Hittite dan Minoa muncul di perbatasan peradaban Mesopotamia, manakala peradaban Klasik Eropah (Yunani dan Rumawi) muncul di perbatasan peradaban Minoa, dan peradaban Eropah Barat muncul di perbatasan peradaban Klasik Barat. Peradaban Melayu pula muncul di perbatasan peradaban India, China dan Thai, dan seterusnya di perbatasan peradaban Islam Mughal India.
- (2) **Tahap Pengeraman,** iaitu tahap aktiviti dan perubahan dalam yang bertenaga, misalannya kegiatan pelaburan harta benda, tenaga dan pemikiran dalam penciptaan perkara-perkara yang baharu, peralatan dan teknologi yang baharu, organisasi dan operasi yang baharu, integrasi dan asimilasi beberapa elemen peradaban asing yang konstruktif dan inovatif, dan sebagainya.
- (3) **Tahap Peluasan,** iaitu hasil daripada proses pengeraman di atas, pertambahan dan perkembangan dalam beberapa bidang berlaku, misalnya: (a) pertambahan pengeluaran barang dan peningkatan taraf hidup, (b) peluasan wilayah melalui penerokaan kawasan

baharu atau/dan penjajahan negara asing, (c) bertambah penduduk kerana penurunan kadar kematian kesan daripada peningkatan taraf hidup, dan (d) pertambahan ilmu sains, teknologi, seni, falsafah dan metafizik. Keempat-empat pertambahan itu saling berkaitan dan melengkapi. Akibat proses peluasan wilayah demikian maka muncul kawasan-kawasan pinggiran (*periphery*) di samping kawasan intinya yang merupakan kawasan pusat peradaban itu yang mungkin ada ciri-ciri konflik dan ketegangan antara kawasan inti dan kawasan-kawasan pinggiran itu.

- (4) **Tahap Konflik**, iaitu zaman yang ditandai oleh ketegangan dan konflik dalaman dan luaran, antaranya: (a) peningkatan ketegangan evolusi/perubahan dan konflik kelas, terutamanya di dalam kawasan inti/pusat peradaban, iaitu antara kelas atasan dan kelas bawahan; (b) penurunan kadar peluasan wilayah peradaban disebabkan proses pembekuan instrumen peluasan melalui proses penginstitusian; (c) peningkatan peperangan dengan wilayah-wilayah jajahannya kerana pemberontakan kaum yang dijahah yang inginkan kebebasan; dan (d) peningkatan suasana yang tidak ketentuan dan tidak rasional, pesimisme, kepercayaan kepada tahuyl, ilmu hitam, sihir dan Kultust (*cult worship*) yang karut-marut. Akibat daripada ketegangan dan konflik ini, jumlah unit, pertumbuhan dan gerakan politik berkurangan sehingga muncul satu sahaja unit politik yang terbesar iaitu seorang raja atau ketua pemerintahnya, sering kali datang daripada kawasan pinggir bukan pusat peradaban, yang berkuasa penuh ke atas seluruh wilayah peradaban itu. Suasana demikian akan membawa kepada tahap seterusnya, iaitu tahap empayar universal.
- (5) **Tahap Empayar Universal**, iaitu tahap penguasaan dan penundukan sepenuhnya oleh satu kuasa sahaja ke atas seluruh kawasan peradaban itu. Tahap ini dari segi zahirnya zaman kegemilangan peradaban itu, kerana satu kuasa sahaja yang berwibawa penuh, satu sistem mata wang, pasaran, perdagangan, dan lain-lain. Namun kemakmuran ekonomi itu mengelirukan (*deceptive*), kerana hanya segelintir sahaja yang memonopoli kekayaan dan kuasa, iaitu golongan elit yang berkepentingan. Dari segi pertumbuhan dan pelaburan ekonomi yang sebenar, penciptaan teknologi dan pemikiran yang baru dan kreatif, sebenarnya dalam keadaan merosot. Sebaliknya, kumpulan elit politik, ekonomi dan sosial membelanjakan aset dan khazanah negara dalam membina

monumen, mercu tanda dan segala lambang dan ikon kemegahan diri dan kelompok mereka, mengakibatkan pembaziran. Rakyat jelata pula hidup dalam keadaan meleset, kebanyakannya hanya bergantung pada hampas, lebihan atau tempias daripada pembinaan monumen dan alat kemegahan kumpulan elit tadi.

- (6) **Tahap Keruntuhan**, iaitu yang ditandai oleh kejatuhan ekonomi yang meruncing, penurunan taraf hidup yang drastik, perang saudara antara kumpulan yang berkepentingan, kemerosotan literasi dan pendidikan, solidariti masyarakat semakin lemah, taraf dan kesedaran intelek, sosial dan politik menurun secara meluas di kalangan masyarakat, keengganan rakyat mempertahankan negara dan membayar cukai. Tahap kemerosotan ini mungkin memakan masa yang lama sehingga peradaban itu tidak lagi mempertahankan dirinya daripada serangan musuh dari luar, misalnya peradaban Mesopotamia pada 400 S. M., Mesir Purba 400 S. M., Rumawi pada 350 M, Mughal India 1700 M, China selepas 1830 dan Islam selepas 1850.
- (7) **Tahap Penaklukan**, iaitu penyerangan dan penewasan sesebuah peradaban oleh anasir luar kerana peradaban itu tidak lagi mampu mempertahankan dirinya akibat ketidakupayaan dan keengganan askar dan rakyat jelatanya untuk berjuang. Selalunya anasir luar itu terdiri daripada kumpulan peradaban yang lebih muda dan kuat. Contoh peristiwa penaklukan beberapa peradaban dalam sejarah manusia:

Peradaban	Empayar Universal	Penakluk	Tarikh
Mesopotamia	Parsi	Yunani	354–300 S.M.
Mesir	Mesir Purba	Yunani	334–300 S.M.
Klasik	Romawi	Suku bangsa Jerman	350–550 M
China	Manchu	Eropah	1800–1930
India (Islam)	Mughal	Eropah	1500–1857
Islam	Khilafah Uthmaniyyah	Eropah	1770–1923

Daripada huraihan tentang dua teori naik turun peradaban itu, kita boleh mengukur di mana letaknya peradaban kita pada masa ini, dan bagaimana ia menaik dan menurun dan apakah ada tanda-tanda yang kita boleh menaik lagi pada masa akan datang.

Globalisasi dan Hegemoni Tamadun Sekular Barat Kini

Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa gejala globalisasi kini sedang menebarkan tamadun sekular Barat sebagai tamadun universal terutama sekali sesudah keruntuhannya Tembok Berlin pada tahun 1989 yang menumpaskan kuasa Komunisme di Eropah dan menjadikan demokrasi liberal dan fahaman sekular Barat sebagai satu-satunya ideologi politik yang paling berwibawa dan berkuasa di dunia.

Mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad telah menulis tentang gejala globalisasi dalam buku beliau *Globalisation and the New Realities* (2002:19):

“Globalisasi, seperti yang dibentuk dan dikemukakan kini, ialah hasil rekaan negara-negara Atlantik Utara (Barat), dan kita berani mengatakan bahawa ianya bertujuan untuk memperkaya mereka lagi dan memperteguh dominasi mereka ke atas dunia ini. Mereka sememangnya sudah mendominasi dunia, tetapi mereka muh meningkatkan lagi dominasi itu supaya mereka tidak akan dicabar sama ada oleh negara-negara Timur yang besar mahupun oleh negara-negara Islam yang lemah.”

Gejala globalisasi yang didefinisikan sebagai keberhubungan (inter-connectedness) aktiviti manusia secara global dalam aspek pengaliran modal dan buruh, teknologi dan kemahiran, pemikiran dan nilai, gaya hidup dan cita rasa, yang merentasi sempadan negara dan bangsa dengan cara yang tidak dapat dikawal rapi oleh negara bangsa itu, sedang menyajikan tamadun sekular Barat, iaitu tamadun yang terkuat dan paling berkuasa kini. Mereka juga mempunyai agenda hegemoni dan pendominasian sejagat seperti yang terjelas daripada retorik dan aksi mereka yang mengisyiharkan dengan angkuh “sama ada anda bersama kami atau bersama gerombolan pengganas”, dan melabelkan negara-negara yang tidak bersekongkol dengan mereka sebagai “pakatan syaitan”. Pengeboman besar-besaran ke atas Iraq dan seterusnya Afghanistan yang menghancurkan kerajaan Taliban termasuklah tanah airnya secara total, atas alasan ingin mengajar rejim Taliban kerana tidak mematuhi ultimatum mereka menyerahkan Usama bin Laden, membuktikan dasar hegemoni mereka yang ketara.

Mengikut Francis Fukuyama, seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 7, tiga unsur tamadun sekular Barat yang utama, iaitu (a) ideologi politik berasaskan demokrasi liberal, (b) sistem ekonomi berasaskan pasaran terbuka dan (c) ilmu pengetahuan berasaskan sains moden yang

membuahkan teknologi dan peralatan moden termaju kini, akan merebak dan berleluasa ke seluruh dunia. Dengan demikian proses evolusi pengalaman dan pemikiran manusia akan sampai ke kemuncaknya yang membawa kepada penghujung jalan sejarah perkembangannya atau “penghujung sejarah ... yang tiada lagi kemajuan dalam perkembangan prinsip-prinsip dasar dan institusi-institusi, kerana semua persoalan besar telah terjawab.” (Francis Fukuyama, 1993:xii–xiv).

Suasana dunia kini menunjukkan pendominasian yang hampir secara total oleh Barat ke atas negara-negara lain. Akibatnya, suasana dunia seluruhnya sedang dan akan terus dihalakan dan dimanipulasikan secara mendalamnya oleh kehendak, amalan, matlamat, keutamaan dan minat negara-negara Barat yang utama.

Aspek-aspek dominasi Barat secara global boleh disimpulkan ke dalam 16 aspek (Jeffery F. Bennet, 1994:54), iaitu:

1. menerajui perbankan antarabangsa;
2. mengawal sistem pertukaran wang antarabangsa;
3. merupakan pasaran dan pelanggan terbesar antarabangsa;
4. merupakan pembekal barang siap terbesar dunia;
5. merupakan pasaran modal terbesar dunia;
6. menjadi kepimpinan moral paling berwibawa di dunia;
7. membuat campur tangan ketenteraan terkuat di dunia;
8. mengawal laluan maritim dunia;
9. melaksanakan program R & D terbesar dunia;
10. terkedepan dalam sistem pendidikan sains dan teknologi di dunia;
11. menerajui akses ruang angkasa dunia;
12. terkedepan dalam industri aeroangkasa;
13. terkedepan dalam media massa, komunikasi dan rekreatif;
14. terkedepan dalam industri senjata teknologi tinggi;
15. terkedepan dalam sistem operasi, perkakasan dan perisian komputer dunia; dan
16. mendominasi bahasa komunikasi luas dunia, terutama sekali melalui bahasa Inggeris.

Amerika Syarikat sebagai tamadun Barat inti kini mendahului negara-negara lain di dunia dalam pelbagai bidang kira-kira 20 tahun ke hadapan, kerana beberapa faktor, iaitu:

1. mendahului bidang teknologi;

2. memiliki sifat keusahawanan yang tinggi;
3. suasana perdagangan yang kondusif/menggalakkan;
4. setiap lapisan rakyat jelatanya digalakkan membuat eksperimen dan menginovasi [misalnya, Bill Gate (Microsoft), Michael Dell (Dell Computers) bermula daripada kosong];
5. membenarkan tenaga muda dalam organisasi bersuara dan memimpin jika berupaya; dan
6. berjaya memupuk, memetik dan memanfaatkan akal fikiran tenaga muda dalam lingkungan 20 dan 30 tahun yang amat aktif dan produktif untuk kemajuan organisasi dan komuniti.

Dominasi Bahasa Inggeris

Oleh sebab negara-negara inti (core states) bagi tamadun Barat ialah negara-negara berpengantar bahasa Inggeris, terutama sekali Amerika Syarikat, maka bahasa pengantar utama dalam proses penyejagatan unsur-unsur dominan Barat yang tersebut di atas, tentu sekali ialah bahasa Inggeris juga. Oleh itu, tidak hairanlah bahasa komunikasi luas (BKL) utama dunia pada separuh kedua abad ke-20 ialah bahasa Inggeris dan trend ini akan berterusan hingga abad ke-21 juga.

Yang jelas ialah penggunaan bahasa Inggeris dalam kebanyakan negara membangun kini, terutama sekali bekas jajahan British dan Amerika, bukan hanya sebagai BKL tetapi juga sebagai pengantar pendidikan tinggi dan bahasa sains dan teknologi, misalnya di India, Pakistan, Bangladesh, Filipina, Singapura (Benua Asia), Gambia, Ghana, Nigeria, Uganda, Zambia dan Zimbabwe (Benua Afrika), Barbados, Jamaica, Tobago-Trinidad dan Guyana (Amerika Selatan/West Indies). Ini berlaku kerana lapan faktor, iaitu:

1. kemajuan Barat telah mencengkam hati budi para pemimpin dan para elit negara;
2. ledakan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi begitu pesat di dunia kini yang tertulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa utama dunia yang lain;
3. kurangnya bilangan ilmuwan, ahli sains dan teknologi tempatan yang bergiat ke barisan depan ilmu pengetahuan;
4. kurangnya jumlah bahan rujukan dan buku teks yang tertulis dalam bahasa tempatan, sama ada hasil asli ataupun terjemahan;
5. kurangnya jumlah pakar, pensyarah dan profesor bertaraf dunia

- yang mahir dalam bahasa tempatan;
6. negara-negara membangun bekas jajahan British dan Amerika termasuklah Malaysia dan Singapura, sememangnya mempunyai tradisi penguasaan bahasa Inggeris yang baik;
 7. penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dalam sektor swasta dan, bidang perindustrian dan perdagangan yang merupakan medan utama menerapkan segala ilmu dan kepakaran sains dan teknologi; dan
 8. penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan tinggi memudahkan proses penubuhan pusat dan program pengajian kembar dengan pusat pengajian tinggi asing dan membawa pakar-pakar asing ke negara kita.

Apa yang menjadi keceluaran di dalam fikiran para elit *Englophile* (pencinta bahasa Inggeris) ialah hakikat bahawa penimbaan dan penerokaan ilmu pengetahuan boleh dilakukan dalam bahasa apa sekalipun, namun penyampaian dan pembudayaan ilmu pengetahuan kepada rakyat jelata negara bangsa itu yang merupakan Sumber Daya Tenaga Manusia yang seharusnya dalam bahasa yang paling mudah difahami oleh semua rakyatnya, iaitu bahasa tempatan mereka sendiri. Proses demikianlah yang dilakukan di negara-negara Jepun, Korea, Republik Rakyat China dan Taiwan, yang telah pun dilakukan oleh negara bangsa Eropah dan Amerika Utara. Melalui proses pendemokrasian pendidikan dan pembudayaan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, maka rakyat jelata yang berpendidikan demikian telah membentuk kelas menengahnya sebagai majoriti rakyat jelata yang menjadi pendorong dan penggerak kepada kemajuan negara bangsanya yang meluas dan lebih merata dan saksama.

Melalui pembudayaan sains dan teknologi kepada rakyat jelata dalam bahasa peribumi sendiri, maka seluruh Daya Tenaga Manusia rakyat jelatanya dapat digerakkan dan dipetik. Petani-petani moden dan usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana yang bertebaran di seluruh negara dapat dibangunkan dan dipupuk untuk menjadi pengusaha global yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Akibat Dominasi Bahasa Inggeris dalam Pendidikan Tinggi, Sains dan Teknologi di Negara Membangun

Sebagai susulan daripada persepsi dan pandangan para pemimpin dan elit *Englophile* tentang bahasa Inggeris, tidak hairanlah kini di negara

Malaysia sendiri beratus-ratus Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan separa swasta ditubuhkan dengan menggunakan pengantar bahasa Inggeris. Bahkan dalam IPT Awam sendiri pun peningkatan penggunaan bahasa Inggeris bertambah-tambah.

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17 (1) yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan Malaysia untuk mengecualikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai pengantar pendidikan, telah memudahkan proses perubahan ini, iaitu:

“Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri Pendidikan daripada subseksyen ini” (Undang-undang Malaysia Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), 1996:26).

Ada sekurang-kurangnya lapan akibat daripada penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan di IPT swasta dan separa swasta, dan juga peningkatan penggunaannya di IPT awam juga, boleh disimpulkan seperti yang berikut, iaitu:

1. nilai ekonomi bahasa Inggeris akan naik, statusnya akan meningkat dan seterusnya akan mengetepikan status bahasa Melayu;
2. proses pengintelektualan bahasa Melayu akan terbantut kerana tidak lagi digunakan sebagai pengantar ilmu tinggi dan tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan;
3. lunturnya status dan peranan bahasa Melayu yang sehingga kini telah menjadi bahasa kebangsaan negara yang memainkan peranan sebagai bahasa penyatuan dan integrasi nasional, bahasa yang membentuk asas jati diri negara Malaysia;
4. penguasaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir penduduk elit yang tinggal di bandar-bandar utama kerana konteks penggunaannya yang meluas; maka ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi akan berkisar hanya dalam kalangan mereka, manakala majoriti rakyat jelata yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris sebaiknya, akan tertahan daripada memperoleh ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi;
5. penguasaan bahasa Inggeris dan pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi oleh segelintir penduduk yang dengan itu akan menjadikan mereka golongan elit, akan mengasingkan mereka daripada majoriti rakyat jelata dan menimbulkan jurang

- dan ketegangan sosial yang dahsyat;
6. ketegangan sosial berdasarkan kelas dan golongan yang disebutkan di atas, akan menjadi pemangkin pula kepada ketegangan dan konflik dalam bentuk yang lain;
 7. apabila bahasa Inggeris digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi maka ilmu pengetahuan akan terhad kepada segelintir golongan elit *Englophile* dan sumber daya tenaga manusia seluruh rakyat jelatanya tidak dapat dibangunkan dan kemajuan serta pembangunan negara secara menyeluruh tidak akan tercapai; dan
 8. penggunaan bahasa Inggeris ataupun bahasa-bahasa bekas kuasa penjajah yang lain sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan seterusnya bahasa rasmi dan bahasa utama di negara-negara membangun termasuklah Malaysia, akan selama-lamanya menjadikan negara-negara demikian mengalami sindrom “mentaliti bangsa terjajah” (*colonised mentality*).

Penyejagatan Ciri-ciri Tamadun Barat dan Penangkisannya oleh Negara Bangsa Tempatan

Ada pengkaji-pengkaji dan ahli-ahli fikir semasa, umpamanya S. Huntington sendiri (1996:318), yang melihat gerakan dan gagasan ke arah penubuhan sebuah tamadun sangat yang berasaskan sebuah tamadun yang terkuat (kini ialah Barat), merupakan satu gerakan yang amat berbahaya dan paling mencabar kepada kestabilan dan keselamatan dunia dalam alaf baru ini, kerana seperti yang ditegaskan beliau:

“Universalisme di seberang laut mengancam Blok Barat dan dunia (hlm. 318) ... Ini berbahaya kepada dunia kerana boleh membawa kepada perperangan besar peradaban antara negara intinya, dan berbahaya kepada Blok Barat kerana boleh membawa kepada kekalahan Barat (Ibid: 311) ... Apa yang merupakan universalisme bagi Barat dianggap imperialism bagi negara-negara yang lain (hlm. 184).”

Oleh yang demikian, seperti yang telah ditegaskan sebelum ini, usaha yang menekankan penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi negara-negara membangun, pada hakikatnya sedang menganjurkan gagasan penyejagatan tamadun Barat yang berbahasa Inggeris sebagai sebuah tamadun universal. Ini adalah

kerana jati diri dan identiti serta aspirasi sesuatu negara bangsa dan sebuah tamadun boleh dikenal pasti melalui penggunaan bahasa utamanya.

Gerakan dan usaha untuk meneruskan atau mengembalikan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa sains dan teknologi, seperti yang telah ditegaskan dahulu, merupakan usaha golongan elit yang pada jangka panjang, sedang menempah dan mengundang bahaya perpecahan, keretakan dan kemunduran negara bangsa, walaupun mungkin pada masa jangka pendek, manfaat segera boleh didapati. Akan tetapi bangsa dan negara membangun seperti Malaysia mahu wujud dan terus hidup lebih lama daripada dua puluh atau tiga puluh tahun yang akan datang.

Tambahan lagi gerakan yang mempromosikan bahasa Inggeris atau mana-mana bekas bahasa penjajah sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi serta bahasa sains dan teknologi sesebuah negara membangun, sebenarnya merupakan gerakan yang bertentangan dengan arus perkembangan negara bangsa dan budaya masa kini. Ini dibuktikan oleh hakikat bahawa apabila empayar Komunis Soviet Rusia pecah, maka negara-negara bekas jajahannya yang memperoleh kemerdekaan telah mengembalikan bahasa peribumi mereka sendiri sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi mereka.

Penjanaan Ilmu Pengetahuan, Sains dan Teknologi Berasaskan Bahasa Peribumi demi Penjanaan Sumber Daya Tenaga Rakyat Jelata

Apabila unsur-unsur tamadun Islam dipelajari oleh bangsa Eropah melalui perantaraan bahasa Arab yang terpaksa dipelajari mereka, kemudian unsur-unsur itu dipinjam, diterjemahkan dan diasimilasikan oleh orang-orang Eropah pada abad ke-11 hingga ke-13, mula-mula dalam bahasa Latin kemudian ke dalam bahasa Sepanyol, Perancis, Itali, Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah yang lain, maka ilmu pengetahuan merebak ke Eropah. Kebangkitan bangsa Eropah berselari dengan kebangkitan negara-negara bangsanya yang berdasarkan bahasa peribumi/tempatan mereka sendiri, iaitu bahasa Sepanyol, Itali, Perancis, Inggeris, Belanda, Jerman, Rusia dan lain-lain. Ilmu pengetahuan, sains dan teknologi yang diterjemahkan, disampaikan dan dijana dalam bahasa peribumi sendiri dapat dimengerti sepenuhnya oleh rakyat jelata untuk membangunkan Sumber Daya Tenaga Manusianya yang seterusnya mencetuskan kebangkitan Eropah dalam zaman *Renaissance* dan membawa kepada proses perindustrian dan

pemodenan Eropah yang pesat sehingga dapat mendominasi dunia selama 500 tahun sampai ke masa kini.

Proses yang sama berlaku dengan kebangkitan Jepun dan Korea, iaitu melalui proses peminjaman, penterjemahan, pengasimilasian dan akhirnya penjanaan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi dalam acuan sendiri. Jepun telah berabad-abad lamanya dijajah dan didominasi oleh tamadun Cina dan telah meminjam sistem tulisan, seni lukis, seni bina, institusi dan sistem perundangan dan sastera klasiknya daripada China. Pengembalian kuasa pemerintahan kepada maharaja Jepun pada tahun 1868 telah membawa kepada “Restorasi Meiji” dengan dasarnya untuk mempelajari segala aspek ilmu pengetahuan daripada Barat supaya membawa kemajuan kepada negara Jepun. Namun, ilmu pengetahuan dan teknologi yang baharu mesti disampaikan dalam bahasa Jepun, iaitu diletakkan dalam acuan mereka sendiri.

Ilmu pengetahuan, sains dan teknologi Barat dipelajari dalam bahasa-bahasa Barat oleh belia-belia Jepun yang dihantar ke pelbagai negara Barat. Kemudian ilmu-ilmu itu diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun untuk dibudayakan dan disampaikan kepada seluruh masyarakatnya bagi membangunkan Sumber Daya Tenaga Manusia rakyat jelatanya. Sesudah itu, proses asimilasi ilmu berlaku yang seterusnya membawa kepada penjanaan ilmu dan teknologi yang baharu dalam acuan mereka sendiri, iaitu dalam bahasa Jepun sendiri.

Di Korea dan Taiwan, seperti yang telah dinyatakan, proses yang hampir sama dengan Jepun, iaitu dari segi penggunaan bahasa sendiri sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi dan proses pemindahan ilmu pengetahuan juga berlaku. Dengan demikian proses pembudayaan ilmu sains dan teknologi amat luas berlaku dalam kalangan rakyat jelatanya dengan itu dapat membangun Sumber Daya Tenaga Manusia seluruh rakyatnya. Ini memungkinkan daya cipta dan kekreatifan peribumi dapat ditingkatkan supaya dapat menghasilkan sesuatu teknologi itu dalam acuan dan pola minda asli mereka sendiri, iaitu diungkapkan dalam bahasa mereka sendiri, dan juga nilai budaya dan kesenian peribumi mereka sendiri.

Peranan Bahasa dan Budaya Melayu dalam Menghadapi Cabaran Revolusi Komputer dan Teknologi Maklumat

Seperti yang telah ditegaskan oleh Paul Kennedy dalam bukunya *Preparing for the Twenty-First Century* (1994:335–336), bahawa

daripada kajian beliau, negara-negara yang dalam keadaan lebih bersedia untuk menghadapi kurun ke-21 ialah Jepun, Korea, beberapa negara perdagangan di Asia Timur, Jerman, Switzerland, beberapa negara Scandinavia dan Komuniti Eropah ... adalah jelas, masyarakat [negara bangsa] itu yang memiliki sumber teknikal dan pendidikan yang kukuh, wang tabungan yang cukup dan keutuhan (solidariti) budaya yang padu berada dalam keadaan yang lebih bersedia daripada negara yang tidak memilikinya.

Peter Drucker pula berkata dalam bukunya *Post-Capitalist Society*, 1993:42, 46, 210–212), bahawa dalam masyarakat pascakapitalis (era teknologi maklumat) ilmu diaplikasikan kepada ilmu untuk menjanaan ilmu yang baharu, aplikasi yang baharu, sistem yang baharu, organisasi yang baharu dan masyarakat yang baharu. Ilmu tidak bertempat di buku, bank data, dan cakera, tetapi pada diri manusia; dicipta, ditambah, diaplikasikan, diajar, digunakan/disalahgunakan oleh manusia. Manusia, iaitu manusia terpelajar menjadi pemusat masyarakat maklumat pendukung nilai, prinsip dan komitmen bagi masyarakatnya.

Daniel Bell (*The Future of Technology*, 2001:45) memperturunkan satu skema organisasi masyarakat manusia zaman pascaperindustrian, pascakapitalis berdasarkan lima dimensi kegiatan masyarakat, iaitu:

Paksi utama organisasi masyarakat	= (1) Penyertaan ilmu teoretis yang jelas berasaskan institusi R&D berwibawa = (2) Teknologi intelek cekap & mantap
Sektor ekonomi yang dominan	= (1) Perkhidmatan massa = (2) Perkhidmatan pakar
Prasarana kritikal	= Komunikasi massa: pengangkutan, bahan tenaga, jaringan hubungan
Masalah politik utama	= (1) Polisi sains dan pendidikan = (2) Globalisasi ekonomi
Orientasi masa	= Masa depan

Paksi utama organisasi masyarakat berasaskan:

1. ilmu teoretis yang mapan, hasil daripada kegiatan institusi R&D yang berwibawa; dan
2. teknologi intelek yang cekap dan mantap, iaitu pengaplikasian dan penyebaran segala ilmu teoretis dalam segala kegiatan sosial dalam masyarakat.

Ini bererti ilmu pengetahuan merupakan faktor utama yang berasaskan segala kegiatan dan organisasi sosial dalam segala bidang kehidupan.

Dalam sektor ekonomi, bidang yang dominan ialah:

1. Perkhidmatan massa, iaitu dalam segala keperluan hidup masyarakat seperti pemakanan, kesihatan, keselamatan, pendidikan, perumahan, rekreasi, dan sebagainya; dan
2. Perkhidmatan pakar terutamanya dalam bidang kesihatan, pendidikan, keselamatan, perumahan, pemakanan, rekreasi dan sebagainya.

Prasarana mendesak yang amat diperlukan dalam masyarakat ialah yang berkaitan dengan komunikasi massa dalam bidang-bidang:

1. pengangkutan;
2. penggunaan bahan tenaga (elektrik, gas, petrol); dan
3. jaringan hubungan (telefon, e-mel, televisyen interaktif, dan lain-lain).

Masalah politik utama yang akan mengasak kerajaan dan negara ialah:

1. Dasar sains dan pendidikan ke atas rakyat jelata yang melibatkan rakyat jelata secara langsung (misalnya, dasar pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris).
2. Globalisasi ekonomi yang mengasak dan mempengaruhi ekonomi tempatan secara langsung dan drastik yang susah dikawal oleh pihak berkuasa tempatan.

Orientasi masa, misi dan visi setiap negara dan masyarakat ialah masa depan, iaitu sentiasa memprojeksikan dan meramalkan senario masa depan yang boleh mempengaruhi dan menjelaskan suasana semasa dan

masa depan masyarakat dan negara. Kegiatan menoleh kembali sejarah dan tamadun sendiri hanya untuk membina yakin diri dan jati diri demi membentuk masa depannya yang lebih cerah dan gemilang.

Apakah peranan bahasa peribumi dalam suasana yang demikian? Bahasa, mengikut S. Huntington (1996:59), ialah satu daripada dua ciri dasar tamadun (satu lagi, agama) yang menjadi asas tautan, jati diri, *esprit de corp*, kebanggaan, dan kasih sayang sesama anggota sesebuah tamadun, oleh amat kuat mewarnai tamadunnya.

Bahasa, seperti yang telah ditegaskan ialah alat yang merakam, mengungkap, membudaya, mentafsir, mendukung, menimbunkan, meng-komunikasikan dan mewariskan khazanah ilmu dan budaya sesuatu bangsa dan tamadun dari generasi ke generasi. Tegasnya, bahasa mencoraki dan mewarnai budaya dan tamadun sesuatu negara bangsa.

Oleh yang demikian, seperti yang ditegaskan oleh banyak hasil kajian, pendapat ahli akademik, para ilmuwan dan peramal masa depan supaya menyampaikan ilmu pengetahuan dalam bahasa peribumi kanak-kanak, demi kecekapan pembelajarannya, pembinaan Daya Sumber Manusia rakyat jelata, pemupukan jati diri dan perpaduan negara bangsanya. Namun, pada masa yang sama hendaklah diadakan program pengajaran bahasa utama dunia (Inggeris, Jerman, Perancis, Cina, Jepun, Arab) yang cekap demi menimba ilmu pengetahuan, teknologi, perdagangan dan diplomasi.

Contoh yang paling jelas tentang keberkesanan strategi ini adalah di Holland yang kebanyakannya rakyatnya (termasuk anak-anak imigran yang menetap) fasih dalam dua atau tiga bahasa asing (Inggeris, Jerman, Perancis) kerana diajar di sekolah/universiti di samping bahasa Belanda. Bahasa Belanda sebagai pengantar pendidikan menggunakan buku teks berbahasa Belanda dalam semua mata pelajaran pada semua peringkat pengajian. Buku-buku teks asas dan penerbitan utama dalam bahasa asing (Inggeris, Perancis, Jerman, dan lain-lain) diterjemahkan ke dalam bahasa Belanda, tetapi buku bacaan tambahan dan jurnal utama dunia dalam bahasa Inggeris, Jerman dan Perancis untuk rujukan tambahan dan bacaan umum tidak diterjemahkan kerana rakyat memahaminya.

Memantapkan Budaya Ilmu, Sains dan Teknologi Orang Melayu

Ilmu dalam pegangan dan amalan Islam tidak pernah dibahagikan kepada ilmu dunia dan ilmu akhirat atau ilmu sekular dan ilmu agama. Yang ada

ialah semua ilmu yang bermanfaat dibahagikan kepada ilmu fardu ‘ain dan ilmu fardu kifayah.

Ilmu fardu ‘ain ialah ilmu yang diperlukan oleh setiap individu untuk memantapkan dirinya dalam pegangan dan amalan rukun Islam yang lima, rukun iman yang enam, dan memantapkan akhlaknya, mu’asyaratnya (perhubungan sosial), mu’amalatnya (perhubungan budaya) dan munakahatnya (berkahwin dan berkeluarga), dan lain-lain.

Ilmu fardu kifayah pula ialah segala ilmu, pengetahuan, kepandaian dan kemahiran demi melakukan kegiatan, amal ibadat, kerja, usaha dan tindakan bagi memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat secara umum. Kedua-dua ilmu itu akan mempunyai nilai yang tinggi apabila dilakukan demi mendapat keredaan Allah dan dengan cara yang selari dengan kehendak syari’at Islam. Oleh itu sifat semua ilmu dalam Islam adalah bersepada atau berintegrasi iaitu dicirikan dengan nilai tauhid (tauhid) demi memanfaatkan kehidupan di dunia ini dalam persediaan menuju ke alam akhirat yang kekal abadi selama-lamanya.

Sebagai langkah mengoperasi gagasan budaya ilmu, sains dan teknologi Melayu yang bersifat tauhid yang demikian itu, maka empat strategi berikut boleh dilakukan terutamanya oleh badan-badan kerajaan dan juga swadaya (NGO):

- 1. Menyampaikan segala ilmu fardu ‘ain kepada semua anak bangsa Melayu lebih-lebih lagi mereka yang di bangku sekolah, kolej, institusi pengajian tinggi dan juga di pejabat, syarikat dan kilang (secara wajib dari sudut kerajaan).** Penyampaiannya harus menekankan aspek kelebihan, kemanfaatan, kegembiraan (fadilat bukan ancaman), amali dan pengalaman (bengkel, seminar, khemah ibadah di masjid dan di kem latihan, kelas amali, dan sebagainya) bukan berbentuk kuliah dan statik. Penghargaan dan pengiktirafan penguasaan ilmu itu harus diberikan sewajarnya (sijil, nilai benda, sosial, dan lain-lain.);
- 2. Menyemai dan memupuk pandangan semesta Islam berteraskan tauhid** di dalam semua ilmu pengetahuan seperti yang dilakukan dengan pesat kini melalui gagasan dan proses islamisasi ilmu (*Islamization of knowledge*);
- 3. Memupuk dan menyuburkan penerokaan ilmu, sains dan teknologi** ke perbatasan hadapannya (to the frontiers of knowledge) melalui kaedah:

- a. memperuntukkan pelaburan dana dalam pendidikan, penyelidikan dan pembangunan (R & D) dengan peratusan yang terbesar dalam belanjawan kerajaan. Ini adalah kerana, seperti yang ditegaskan oleh ramai pakar penelitian masa depan (*futurists*), ilmu kini merupakan sumber utama dalam pembangunan masyarakat mengatasi sumber modal dan buruh.

“Dalam dunia pasca industri ilmu dan maklumat menjadi sumber strategik dan pengubah masyarakat, sepertilah modal dan buruh telah menjadi sumber strategik dan pengubah masyarakat dalam zaman industri. Satu yang nyata kini ialah kita sekarang berada dalam ekonomi berasaskan ilmu.” (Bell, Daniel, 2001:46,59)

Peter Drucker dalam bukunya *Managing the Future* menjelaskan:

Di dunia kini penekanan bukan lagi kepada buruh, barang atau tenaga, tetapi kepada ilmu. Masyarakat berilmu menghendaki semua anggotanya celik huruf bukan setakat membaca, menulis dan mengira, tetapi (misalnya) kemahiran atas komputer, dan sistem politik, sosial dan sejarah. Dan oleh sebab himpunan ilmu begitu banyak, maka mereka juga mesti belajar bagaimana hendak belajar (Peter Drucker, 1992:267,269);

- b. Menekankan pengkhususan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang-bidang strategik kini, iaitu mikroelektronik, telekomunikasi, bioteknologi, bahan-bahan baru (*new materials*), sains penerbangan (*aviation*) dan robotik. (Di A.S. kini ada 1.5 juta pakar pemprograman komputer iaitu jumlah nasional terbesar di dunia dan merupakan lapangan kerja yang terbesar di A.S.); dan
- c. Menyediakan dan melengkapkan segala sumber strategik untuk melaksanakan rancangan penyelidikan dan pembangunan bidang-bidang khusus dan strategik itu, misalnya dana yang mencukupi, guru dan jurulatih yang mahir, peralatan dan prasarana yang terkini, institusi dan organisasi yang cekap dan di atas segala-galanya bilangan pelajar dan pelatih yang mencukupi dan bermotivasi tinggi.

- 4. Menyemai, memupuk dan membangunkan semangat, iltizam dan motivasi** yang tinggi dalam kalangan anak muda dan pelajar Melayu demi meningkatkan daya juang, daya saing, daya tahan, daya kreativiti dan daya usaha, melalui program latihan dan pembelajaran yang mesra pelajar dan mesra belia.

Kini isu kegagalan pelajar lelaki Melayu sudah menjadi kenyataan. Di sekolah-sekolah menengah di Lembah Kelang Malaysia kelas-kelas tercorot dipenuhi oleh pelajar-pelajar lelaki Melayu yang tidak berminat untuk belajar dan para guru juga tidak berdaya untuk mengajar mereka. Kebanyakan mereka terlibat di dalam pelbagai kes delinkuen juvana.

Mengikut Peter Drucker (1992:268) kaedah pengajaran kini yang berasaskan pembelajaran buku (membaca dan menghafal fakta dari buku, penguasaan konsep secara teori, latihan dan peperiksaan secara bertulis berasaskan buku semata-mata) sebenarnya sesuai untuk orang dewasa tetapi tidak mesra bagi golongan kanak-kanak dan belia.

Oleh itu dicadangkan kaedah pembelajaran secara praktikal dan “hands-on” di lapangan kerja hendaklah diperbanyak, kegiatan amali dan aplikasi sama ada dalam proses pembelajaran maupun dalam kerja penilaian dan peperiksaan hendaklah ditekankan.

Ringkasnya, pelajar-pelajar yang terdiri daripada golongan kanak-kanak dan belia iaitu fasa pertumbuhan fizikal yang amat aktif, hendaklah dimanfaatkan potensi keaktifan fizikal itu semaksimumnya.

5. Mengembalikan Martabat, Kewibawaan dan Keyakinan kepada Bahasa Melayu

Langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai matlamat itu, yang tertumpu kepada dua strategi, iaitu cara mengatasi masalah sikap negatif terhadap keupayaan dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai pengantar sains, teknologi dan pendidikan tinggi, dan cara membina budaya ilmu, sains dan teknologi dalam bahasa Melayu sehingga ke perbatasan terkedepan dalam penerokaan ilmunya, iaitu secara ringkasnya:

- (a) mengadakan kempen, konvensyen dan syarahan umum pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa tentang kewibawaan dan kemampuan bahasa Melayu mengungkap semua bidang ilmu termasuklah sains, matematik dan teknologi, oleh itu

- pengajaran sains dan matematik kembali diajar dalam bahasa Melayu;
- (b) peruntukan kewangan dana yang semaksimum dalam bentuk belanjawan kerajaan dan sumbangan daripada pihak sektor swasta sebagai usaha memenuhi tanggungjawab sosial;
 - (c) mengadakan skim penggalakan dan insentif yang menarik hendaklah ditawarkan kepada para ilmuwan dan ahli sains untuk menulis dan menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu buku dan artikel dalam bidang pengkhususan masing-masing;
 - (d) menujuhkan sebuah Majlis Buku Ilmiah Kebangsaan/Antarabangsa yang bertanggungjawab:
 - i. merancang dan melaksanakan penghasilan, penulisan, penterjemahan, penyebaran, penggalakan, penggunaan dan penilaian buku-buku dan bahan-bahan rujukan dalam pelbagai media dalam semua bidang sains, teknologi dan ilmu pengetahuan peringkat tinggi;
 - ii. menujuhkan perhubungan dan kerjasama akademik dengan institusi-institusi, pusat-pusat penyelidikan, penerbitan buku dan jurnal dan perpustakaan yang terkemuka di seluruh dunia;
 - iii. menujuhkan kerjasama yang erat dengan Indonesia, Brunei dan Singapura berdasarkan keperluan dan tanggungjawab bersama untuk memajukan bahasa; dan
 - iv. menujuhkan hubungan dan kerjasama yang erat dalam bentuk penyelidikan, penerbitan, pengalaman, penyebaran dan promosi tentang semua perkara yang berkaitan dengan bahasa, sastera, budaya, sains, teknologi, perindustrian, perdagangan, perhubungan antarabangsa dan diplomasi dengan negara-negara dan institusi seluruh dunia.
 - e. mengadakan gerakan promosi yang gigih, agresif dan meyakinkan untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama ASEAN mengambil alih bahasa Inggeris; dan
 - f. menujuhkan beberapa buah Akademi Pembelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Moden Wilayah yang dilengkapkan dengan segala kepakaran dan peralatan canggih untuk melatih anak bangsa Melayu secara intensif penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa moden yang lain ke taraf yang paling tinggi

untuk kumpulan tertentu bagi melaksanakan tugas-tugas khusus, misalnya penimbaan ilmu dan pemindahan teknologi tinggi, perdagangan antarabangsa, diplomasi dan hubungan antarabangsa, persidangan dan bengkel antarabangsa dan sebagainya.

Membina Solidariti Bangsa Malaysia dan Komuniti Bahasa Melayu Antarabangsa

Seperti yang disebutkan oleh Paul Kennedy (1994:335) yang telah diperturunkan di atas, satu prasyarat pembinaan sesebuah negara bangsa dan tamadun supaya berupaya dan berjaya menghadapi cabaran abad ke-21 ialah solidariti masyarakat dan negara bangsa itu. Solidariti masyarakat terbentuk apabila ada *esprit de corps*, semangat kekitaan, rasa saling menghormati, kasih sayang dan tanggungjawab yang kukuh antara anggotanya. Kini bangsa Melayu dan Malaysia sedang menghadapi cabaran perpecahan dan konflik intra negara bangsa dan intra tamadun yang agak meruncing.

Dalam tradisi Islam, empat amalan perlu diwujudkan untuk menyemai rasa kasih sayang, saling hormat dan tanggungjawab bersama yang tinggi dan solidariti yang kukuh di kalangan bangsa Malaysia dan komuniti penutur bahasa Melayu antarabangsa, iaitu *Salam, Ta'am, Kalam* dan *Qiam*:

1. *Salam* merujuk kepada amalan berbaik-baik, bertemu, menyapa, memberi salam dan bersalam, ziarah-menziarahi semasa sihat/ senang dan sakit/susah, yang dengan demikian akan mewujudkan hubungan, interaksi dan komunikasi antara satu sama lain yang akan mengurangkan bahkan boleh menghilangkan prasangka, buruk sangka dan kebencian antara satu pihak dengan pihak yang lain. Keadaan yang berlaku dan merebak kini ialah ketegangan, buruk sangka, rasa prejudis dan kebencian yang agak sengit di kalangan bangsa Melayu dan juga di kalangan bangsa Malaysia. Ini berlaku kerana tiada atau kurangnya pertemuan, interaksi dan komunikasi antara satu sama laif terutama sekali di kalangan mereka yang ada perbezaan pendapat. Sebaliknya, perkara yang lumrah kini ialah pernyataan, tuduhan dan serangan yang balas-membalas terhadap satu sama lain dalam media massa dan khalayak ramai yang menimbulkan rasa tersinggung dan kemarahan antara satu sama lain.

2. *Ta'am* merujuk kepada amalan memberi jamuan dan makan minum antara satu sama lain, sama ada dalam sambutan hari-hari perayaan mahupun tanpa ada sebarang perayaan tetapi untuk meraikan sahabat, tetamu, jiran, kawan dan "lawan" (dalam politik, organisasi, dan lain-lain). Amalan ini akan menjalinkan rasa kemesraan dan persahabatan kerana makan minum bersama adalah satu daripada tiga amalan berjemaah yang sangat dianjurkan oleh Islam (dua lagi ialah sembahyang berjemaah dan bersafar secara berjemaah).
3. *Kalam* merujuk kepada amalan berinteraksi, berkomunikasi, bermesyuarat dan berdialog antara satu sama lain baik dalam kalangan sahabat dan kenalan, mahupun dalam kalangan mereka yang berbeza pendapat dan pegangan. Dalam majlis dan peristiwa komunikasi, percakapan dan dialog demikian harus diwujudkan rasa saling menghormati dan kemesraan yang tinggi berasaskan *adab al-ikhtilaf* atau beradab dalam memberi dan menerima pendapat yang berbeza-beza. Dan jika sesuatu keputusan harus dicapai bersama maka amalan mesyuarat (*musyawarah/consultation*) dan keputusan ramai (*ijma'/consensus*) perlu diamalkan.

Dalam amalan berinteraksi dan berdialog demikian, fikiran seseorang manusia akan terpaut dan tertarik apabila hatinya terpaut dan tertarik. Untuk menarik dan memautkan hati manusia maka kita mesti memberi hati kita dahulu kepadanya, iaitu melalui penghormatan yang sewajarnya, bersopan santun dan rasa keinginan untuk membantu dan menyumbang kepadanya sebaik-baiknya. Inilah yang menjadi amalan orang-orang yang salih dalam Islam, seperti dalam madah-madah yang berikut:

"Tangan yang di atas (yang memberi) lebih baik daripada tangan yang di bawah (yang menerima)."

"Sesiapa yang memenuhi hajat orang lain ke atasnya, maka Allah akan memenuhi hajatnya di Akhirat nanti apabila ia sangat memerlukannya."

"Sesiapa yang tidak menuntut haknya ke atas manusia maka Allah akan memenuhi haknya."

"Sesiapa yang sanggup memaafkan kesalahan orang ke atasnya, maka Allah akan memaafkan kesalahannya."

Dari segi perkataan yang baik-baik pula, dalam Islam al-Qur'an telah menyatakan dengan sejelas-jelasnya apakah yang membentuk perkataan yang terbaik dan terunggul, iaitu:

"Siapakah yang terbaik perkataannya daripada seorang yang menda'wahkan manusia kepada Allah, dan melakukan amalan yang salih, dan seterusnya menyatakan bahawa saya sesungguhnya ialah seorang Muslim (*Wa man ahsanu qaulan mimman da'a ila l-Lâh, wa 'amilan salihan wa qâla innâ mina l-Muslimîn*)."*(Surah Hamim Sajdah: 14)*

4. *Qiam* atau berdiri malam, iaitu bermunajat, bersembahyang malam, berdoa dan memohon kepada Allah SWT untuk mendapat pertolongan, perlindungan, pengampunan, petunjuk dan hidayat bagi keselamatan diri, masyarakat dan umat seluruhnya daripada segala mala petaka, bencana alam, pencerobohan musuh dan tipu daya syaitan, dan juga daripada azab yang pedih di akhirat nanti. Para ulama' mentamsilkan bahawa usaha pada waktu malam iaitu bermunajat dan berdoa kepada Allah ialah seolah-olah menarik perhatian dan tumpuan Allah kepada manusia demi memberi hidayat, petunjuk, perlindungan dan pengampunan, manakala usaha pada siang hari iaitu menasihati manusia dengan penuh hikmah dan perkataan yang baik (*bil hikmah wa mau'izati l-hasannah*) ialah memujuk manusia kepada Allah semoga mereka berpaling kepada Allah untuk mentaati-Nya. Usaha ke atas manusia dikatakan 10% nilainya, manakala usaha terhadap Allah ialah 90% nilainya; kerana usaha ke atas manusia belum tentu mendapat perhatian, manakala usaha untuk mendekati Allah, bermunajat dan bermohon kepada-Nya, pasti mendapat tumpuan dan penerimaan daripada Allah, seperti firman-Nya: "*'Uñbu d-da'wata d-dâ'i izâ da'âni* (Aku makbulkan doa orang apabila ia berdoa kepada-Ku) *(Surah al-Baqarah:186)*.

PENUTUP

Sememangnya setiap negara dan bangsa mestiberusaha untuk meningkatkan daya juang, daya saing, daya tahan, daya kreatif dan kecemerlangan bangsa dan rakyat jelatanya dalam persada antarabangsa supaya dapat mencapai kemajuan yang tinggi dan boleh bersaing dengan negara-negara utama di dunia. Untuk mencapai matlamat ini seluruh sumber daya tenaga

manusia rakyatnya harus digerakkan melalui pembudayaan ilmu, sains dan teknologi terkini yang disampaikan dalam bahasa rakyat jelata sendiri bukannya sebuah bahasa asing. Inilah yang berlaku di negara-negara maju di Barat termasuk negara-negara Eropah dan juga di Jepun, Korea dan Taiwan.

Namun, pada masa yang sama penguasaan dan penerokaan ilmu pengetahuan sehingga ke perbatasan depannya (*to the frontiers of knowledge*) harus dilakukan dan dicapai dan ditimba melalui pelbagai bahasa utama dunia, misalnya bahasa Inggeris, Perancis, Jerman, Jepun, Korea, China, Rusia, Arab dan lain-lain. Oleh itu penguasaan bahasa-bahasa itu oleh para ilmuwan dan sarjana untuk membolehkan mereka menceburi pelbagai bidang ilmu dan pengajian hendaklah dilakukan terus-menerus.

Kemajuan dan pembangunan sesebuah negara secara adil dan merata bukan kerana kaum elitnya berilmu, bijaksana dan kaya raya, tetapi kerana kebanyakan rakyat jelatanya terpelajar dan terbudaya dengan ilmu, sains dan pemikiran yang luas, beretika, bermoral, dan berbudaya kerja yang tinggi dan gigih. Yang menggerakkan pembangunan dan kemajuan sesebuah negara dan tamadun secara menyeluruh dan adil ialah sumber daya tenaga rakyat jelatanya, terutama sekali dalam zaman kontemporari kini, seperti di negara-negara Eropah, Jepun, Korea, Taiwan dan sedikit masa lagi China. Rakyat jelata yang terpelajar, terbudaya dengan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi yang terkini demikianlah yang membentuk kumpulan menengahnya sebagai kumpulan majoriti yang menjadi penggerak dan pendorong kepada pembangunan dan kemajuan negara bangsanya secara meluas ke merata pelosok negara bangsanya, seperti yang berlaku dalam kalangan negara-negara maju di Eropah, Amerika Utara, Timur Jauh dan Australia.

Seandainya golongan elitnya yang minoriti, sama ada golongan pemerintah, bangsawan dan agamawan sahaja yang bijaksana, pandai dan kaya-raya, maka muncullah jurang perbezaan kelas yang luas, pe-nindasan dan eksloitasi sosial yang parah yang akhirnya membawa kepada ketegangan, konflik, perpecahan dan kemusnahan. Ini merupakan tahap-tahap terakhir dalam teori naik turun tamadun manusia, seperti yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun (N. J. Dawood, 1981:252), Caroll Quigley (1979: 146).

Kertas kerja ini telah menggarap peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan dan ilmu tinggi dalam menjana tradisi pemikiran dan amalan ilmu, sains dan teknologi dalam acuan kita sendiri dalam kalangan rakyat jelata Malaysia yang akan menggerakkan penggunaan Sumber

Daya Tenaga massa untuk membangunkan negara bangsa dan tamadun Melayu dan Malaysia yang adil dan saksama.

Sebaliknya, peranan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi hanya mampu melahirkan golongan elit yang dominan yang menguasai ilmu, sains, teknologi, sumber dan prasarana ekonomi, kekayaan dan kekuasaan negara yang akan menimbulkan jurang kelas dan ketegangan sosial yang sengit, konflik dan keruntuhan negara bangsa.

Bahawasanya bahasa peribumi/tempatan sendiri merupakan penapis dan penangkis yang kebal untuk melawan badi negatif globalisasi yang boleh menghancurkan nilai-nilai tradisi yang murni, dan juga merupakan unsur yang kental untuk menyemai rasa kekitaan, keakraban, kemesraan dan kasih sayang sesama penuturnya demi perpaduan, keharmonian dan semangat kekitaan atau *esprit de corp* yang kental. Dan bahawasanya bahasa peribumi/kebangsaan merupakan satu elemen utama yang mengungkap dan menunjangi pembangunan dan kemajuan sesuatu bangsa dalam acuannya sendiri yang akan menjamin kestabilan, ketekalan dan pelestariannya.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1987. *Isu-Isu Perancangan Bahasa: Pengintelektualan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1996. “Pendidikan dan Patriotisme Malaysia” dlm. Asraf (ed.), *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Akta Pendidikan, 1996. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Asmah Haji Omar, 1992. *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf (ed.), 1996. *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Azyumardi Azra, 1995. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Nusantara Abd VIII*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Barnett, Jeffery, R., “Exclusion as National Security Policy” dlm. *Parameters*, 24:1, hlm. 54, 1994.
- Barnett, J., & John Cavanagh, 1994. *Global Dreams: Imperial Corporations and the New World Order*. New York: Touchstone Books.

HASHIM HAJI MUSA

- Bell, Daniel, 2001. *The Future of Technology*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Braudel, F., 1993. *A History of Civilizations*. New York: Penguin Books.
- Bruinessen, Martin van, 1999. *Kitab Kuning: Pesantren dan Tarekat*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Cortesao, Armando (ed.), 1944. *The Sume Oriental of Tome Pires: An Account of the East, from the Red Sea to Japan, Written in Malacca and India in 1512–1515, 2 Volumes*, London, Hankluyt Society Works.
- Coulmas, F. (ed.), 1991. *A Language Policy for the European Community*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Drucker, Peter, 1994. *Post-Capitalist Society*. New York: HarperCollins,
- Drucker, Peter, 1992. *Managing the Future*. Oxford: Butterworth-Heinemann.
- Fukuyama, Francis, 1992. *The End of History and the Last Man*. New York: Avon Books.
- Hamidy, U. U., 1981. *Riau Sebagai Pusat Bahasa dan Kebudayaan Melayu*. Bumi Pekanbaru: Bumi Pustaka.
- Hasan Junus, 1988. *Raja Ali Haj – Budayawan di Gerbang Abad XX*. Pekanbaru: Universitas Islam Riau.
- Hashim bin Haji. Musa, 1997. *Pengintelektualan dan Pemapanan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Penyekapan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua*. Kuala Lumpur: Laporan Kajian IRPA.
- Hashim bin Haji Musa, 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembentukan sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Hashim bin Haji Musa, 2002. *Agenda Melayu: Ke Arah Pembinaan Peradaban Melayu Bertaraf Dunia Alaf Ketiga*. Petaling Jaya: INMIND.
- Hashim bin Haji Musa, 2004. *Civilizational Dialogue: Encountering the Globalizing West*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Hashim bin Haji Musa, 2004. *Dialog Peradaban: Pemerksaan Tamadun Melayu Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Huntington, S., 1996. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon and Schuster.
- Khaldun, Ibn., 1967. *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Diterjemah oleh Franz Rosenthal, dedit ringkas oleh N. J. Dawood. Princeton: Bollingen Series.
- Khaldun, Ibn., 1981. (N. J. Dawood, Abridged from Franz Rosenthal's translation), *Khaldun Ibn: The Muqaddimah*. Princeton: Bollingen Series University of Princeton.
- Kennedy, Paul, 1989. *Rise and Fall of the Great Powers*. New York: Vintage Books,
- Kennedy, Paul, 1993. *Preparing for the Twenty-First Century*. New York : Vintage Books.

- Mahathir Mohamad, 2002. *Globalisation and the New Realities*. Putra Jaya: Pelanduk Publications.
- Mohd Kamal Hassan, 1996. *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society: Some Critical Observations*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Matheson-Hooker, V., 1991. *Tuhfat al-Nafis. Sejarah Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusoff Hashim, 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naisbitt, John, 1997. *Megatrend Asia*. Diterjemah oleh Adibah Amin. Petaling Jaya: Prentice Hall Malaysia,
- Naskhah Jawi: Sejarah dan Teks. Jilid 1*. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Quigley, Carroll, 1979. *The Evolution of Civilizations*. Indianapolis: Liberty Press.
- Shaharir Mohd Zain, 1996. *Pembangunan Sains dan Teknologi di Malaysia Menerusi Bahasa Melayu*. Syarahan Raja Ali Haji, Kuala Lumpur: Persatuan Lingusitik Malaysia.
- Toffler, Alvin, 1981. *The Third Wave*. New York: Bantan Books.
- Toffler, Alvin, 1990. *Powershift: Knowledge, Wealth and Violence at the Edge of the 21st Century*. New York: Bantan Books,
- Toffler, Alvin & Heidi, 1995. *Creating A New Civilization: The Politics of the Third Wave*. Atlanta: Turner Publishing.
- Wan M. Saghir Abdullah, 1996. "Manuskrip Islam Dunia Melayu Ditinjau dari Pelbagai Peringkat". Kertas kerja dalam Forum Jemputan Khas Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 27 September, 1995.